

SURUHANJAYA REID



- Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid dibentuk berdasarkan persetujuan di London dan perkenan Raja-raja Melayu.
- Suruhanjaya ini memulakan tugas pada Jun 1956.
- Tugas suruhanjaya ialah membincangkan, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

TUGAS SURUHANJAYA REID

- Memeriksa aturan perlembagaan di seluruh Tanah Melayu serta mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu.
- Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal, bebas dan berkerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel berdasarkan Demokrasi Berparlimen dengan dua Dewan Perundangan.
- Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat dengan kerajaan negeri mempunyai autonomi tertentu.
- Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan.
- Mencadangkan jawatan ketua negara, iaitu Yang di-Pertuan Besar, kini dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong.
- Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu.
- Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.

GERAK KERJA SURUHANJAYA REID

- Meminta cadangan daripada semua penduduk yang berminat secara lisan atau bertulis.
- Menerima memorandum secara bertulis daripada pelbagai pihak untuk diteliti.
- Meneliti kedudukan perlembagaan bagi negeri dalam Persekutuan.
- Menghadap Raja-raja Melayu, Menteri Besar, Penasihat British dan pegawai negeri.
- Bermesyuarat dan melawat negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat.
- Mengadakan persidangan untuk membincangkan pelbagai isu.
- Sebanyak 118 perjumpaan diadakan antara bulan Jun hingga Oktober 1956.
- Mengkaji, membuat laporan serta cadangan membentuk perlembagaan bagi sesebuah negara merdeka.
- Sebanyak 131 memorandum bertulis diterima. Memorandum diterima daripada pihak Raja-raja Melayu, parti politik, badan awam dan orang perseorangan untuk dipertimbangkan.
- Memorandum berkaitan dengan corak pentadbiran, kewarganegaraan dan kedudukan istimewa orang Melayu, bahasa serta pendidikan.

ANGGOTA SURUHANJAYA REID

